



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **1,165 ORANG AHLI BAHARU MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) TAHUN 2019/2020 TERIMA WATIKAH PELANTIKAN**

**KUALA LUMPUR, 24 Januari 2019** – Seramai 1,165 orang ahli baharu peringkat Zon dan Sub Zon di kawasan Parlimen Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menerima watikah pelantikan daripada Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Abd Samad pada hari ini sebagai penghubung di antara Kerajaan dan rakyat dalam merancang serta melaksanakan pelbagai program pembangunan modal insan dan aktiviti kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan.

Pelantikan ahli MPPWP bagi tahun 2019/2020 ini melibatkan 13 zon dan 77 sub zon. 70 sub zon di 11 Parlimen dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 4 sub zon di Parlimen Putrajaya dan 3 sub zon di Labuan yang merangkumi seramai 1,165 orang ahli secara keseluruhannya di peringkat zon dan sub zon. Di peringkat zon terdapat 13 pengerusi, 6 timbalan pengerusi, 6 setiausaha dan 39 ahli. manakala di peringkat sub zon pula terdiri daripada 77 pengerusi, 77 timbalan pengerusi, 77 setiausaha dan 870 ahli.

Fungsi utama MPPWP digerakkan melalui pelaksanaan program dan aktiviti kemasyarakatan merangkumi lima (5) bidang teras utama iaitu Pembangunan Modal Insan, Keselamatan, Perpaduan & Kesejahteraan, Ekonomi & Keusahawanan, Sukan & Rekreasi, Pendidikan & ICT dan Kesihatan, Kebersihan & Alam Sekitar.

MPPWP kali ini dianggotai oleh kelompok masyarakat setempat yang mempunyai struktur pentadbiran yang lebih sistematik dan terancang untuk memimpin dan mentadbir keseluruhan komuniti sedia ada. Semua program dan aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi dengan galakan penyertaan awam (*participatory-people centric*) daripada penduduk setempat dalam pembangunan dan pengurusan di Wilayah Persekutuan. Melalui penubuhan MPPWP dapat mewujudkan struktur komuniti yang mampu mentadbir masyarakat setempat (*self-governance community*) terutamanya dalam menguruskan isu-isu perbandaran yang berbangkit supaya dapat ditangani dengan segera.

Pelantikan ahli MPPWP ini mengambil kira pandangan dan pendapat masyarakat setempat dengan mengetengahkan ahli-ahli baharu yang mempunyai pengalaman luas dan berupaya menggalas tanggungjawab dalam melaksanakan pelbagai program bersama masyarakat setempat.

Ahli-ahli baharu MPPWP ini turut dikenali ramai dan mempunyai pengaruh positif dalam kalangan masyarakat setempat yang membolehkan MPPWP kali ini diterima oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang.

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
24 Januari 2019**